


RENCANA

CATATAN PROFESOR MADYA MUHAMMAD FAISHAL IBRAHIM MENGENAI PELANCARAN BULAN BAHASA



SERIKAN MAJLIS: Bulan Bahasa telah dilancarkan Sabtu lalu menerusi siaran di saluran Mediacorp Suria dengan dihadiri tetamu terhormat Timbalan Perdana Menteri, Encik Heng Swee Keat (*tengah*), yang diadip Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, yang juga Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara) (*kiri*), dan Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa, Cik Rahayu Mahzam, yang juga Setiausaha Parlimen (Kesihatan). – Foto MCI



TIGA DUTA BAHASA BARU: Duta Bahasa baru yang hadir di majlis pelancaran Bulan Bahasa ialah pensyarah dan Zamil Kanan di Iseas-Institut Yusof Ishak, Dr Norshahril Saat (*kanan*), dan pengarah urusan syarikat ScreenBox Pte Ltd, Encik Sujmy Mohamad (*kiri*). Pakar geriatrik dari Hospital Raffles Dr Nur Farhan Alami (*gambar di layar belakang*), yang juga duta bahasa tahun ini, tidak dapat hadir dalam sesi pelancaran itu. – Foto FACEBOOK PROFESOR MADYA MUHAMMAD FAISHAL IBRAHIM

Usaha lestari bahasa Melayu harus diterus demi generasi masa depan

“BULAN Bahasa tahun ini telah berjaya dilancarkan. Syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Bulan Bahasa yang dipengerusikan Cik Rahayu Mahzam dan semua pihak yang terlibat tahun ini.

Meskipun tercabar dengan keadaan Covid-19 sekarang, semangat kita untuk terus menggerakkan usaha melestarikan Bahasa tetap membara.

Saya amat teruja dengan iltizam masyarakat kita dalam menggalakkan penggunaan bahasa Melayu.

Bulan Bahasa yang sudah dianjurkan sejak 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu dengan sokongan padu masyarakat kita masih bergiat lancar sehingga hari ini.

Dalam ucapannya malam kelmarin (Sabtu lalu), Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat mengatakan bahawa bahasa Melayu amat dekat dengan masyarakat kita dan beliau juga menekankan “pentingnya bahasa Melayu dalam pembentukan warisan dan fabrik sosial Singapura”.

Begitulah pentingnya peranan bahasa Melayu di negara kita. Dengan itu, sokongan kita agar Bahasa Melayu senantiasa hidup dan kekal relevan, diperlukan.

GELOMBANG BAHASA INGGERIS DAN SEMANGAT LESTARIKAN BAHASA MELAYU

Walaupun gelombang bahasa Inggeris kuat dirasakan dalam pelbagai konteks kehidupan kita di Singapura, bahasa ibunda seperti Bahasa Melayu, Tamil dan Mandarin terus dipelajari dan digunakan oleh warga Singapura.

Sememangnya, usaha ini tidak mudah, namun kita memerlukan sokongan segenap lapisan masyarakat untuk bekerjasama meraihan, menganjurkan serta melibatkan diri dalam kegiatan bahasa.

Sekurang-kurangnya dengan menggalakkan setiap usaha untuk melestarikan bahasa kita dengan memberikan kata-kata dan komen-komen yang positif.

Setiap tahun kita meraihan Bulan Bahasa. Para pemimpin masyarakat, golongan literati, keluarga, ibu bapa, guru-guru, pelajar dan kanak-kanak akan turun padang untuk menyemarakkan lagi kegiatan-kegiatan bahasa.

Kita akur, kecekapan berbahasa Melayu berbeza bagi setiap individu, bergantung pada kesesuaian mereka menggunakan bahasa Melayu.

Bulan Bahasa menyediakan pelbagai aktiviti yang boleh disertai oleh masyarakat daripada pelbagai lapisan pengguna. Ayuh, sertai usaha-usaha ini supaya kita dapat meluaskan penggunaan bahasa Melayu kita.

DAPATAN KAJIAN IPS MENGENAI PENGGUNAAN BAHASA MELAYU

Kepuasan berbahasa Melayu yang berbeza-beza ini tidak melunturkan pandangan positif tentang pentingnya bahasa Melayu dalam pembangunan identiti masyarakat kita.



INDAHNYA BAHASA: Semasa pelancaran Bulan Bahasa, pelbagai persembahan diketengahkan termasuk dari Asnida Daud (*tengah*), Zaibaktian (*kanan*) dan Aqmal Noor (*kiri*). – Foto-foto MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA



PENGLIBATAN GOLONGAN MUDA: Asnida Daud (*kanan*) dan Nurfarhana M Noor (*dua dari kanan*) berlawan bersama dua pelajar mengenai peri penting berbahasa Melayu.

Dalam kajian Institut Pengajian Dasar (IPS) tahun lalu, masyarakat Melayu masih melihat bahasa Melayu sebagai elemen penting dalam pembinaan jati diri masyarakat kita. Dalam keluarga dan kalangan sahabat handai, kita lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu.

Dapatan ini amat memberangsangkan dan menunjukkan bahawa usaha sama kita selama ini meninggalkan kesan yang positif.

SAMA-SAMA TERUSKAN USAHA

Usaha melestarikan bahasa harus diteruskan agar kita dapat mewariskannya kepada generasi akan datang.

Walaupun hal ini mencabar dengan adanya gelombang bahasa Inggeris yang semakin kuat, kita tidak harus memegang pandangan yang pesimis dan menyebarkan mesej negatif agar tidak melemahkan semangat juang anak-

anak kita.

Sebaliknya, kita harus memberi galakan kepada anak muda serta maklum balas yang membina agar dapat membantu mengukuhkan perjuangan kita bersama.

Sesuatu yang berat akan menjadi ringan apabila kita lakukan bersama – termasuk dalam mencapai cita, citra dan cinta kita akan bahasa Melayu. Ayuh, sertailah dan sokonglah usaha kita menghidupkan Bahasa Ibunda kita!

CABARAN DARI GELOMBANG BAHASA INGGERIS

“Usaha melestarikan bahasa harus diteruskan agar kita dapat mewariskannya kepada generasi akan datang. Walaupun hal ini mencabar dengan adanya gelombang bahasa Inggeris yang semakin kuat, kita tidak harus memegang pandangan yang pesimis dan menyebarkan mesej negatif agar tidak melemahkan semangat juang anak-anak kita. Sebaliknya, kita harus memberi galakan kepada anak muda serta maklum balas yang membina agar dapat membantu mengukuhkan perjuangan kita bersama. Sesuatu yang berat akan menjadi ringan apabila kita lakukan bersama – termasuk dalam mencapai cita, citra dan cinta kita akan bahasa Melayu.”

– Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura.